




DIDAKWA...Abdul Aziz menutup kepala dengan jaket di luar mahkamah, semalam.

TNC UTHM nafi rasuah

Kes timbalan naib canselor disebut semula 9 November



>>Oleh Mary Victoria Dass

maryvictoria@hmetro.com.my

J OHOR BAHRU: Timbalan Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru di sini, semalam, atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah RM15,000 daripada seorang kontraktor pada Disember 2010 dan Januari lalu.

Profesor Dr Abdul Aziz Abdul Samad, 52, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dikemukakan terhadapnya oleh Pegawai Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Abdul Ghafar Ab Latif di depan Hakim Mahkamah Sesyen, Mohamad Haidar Abdul Aziz.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh yang juga Timbalan Naib Canselor UTHM (Akademik dan Antarabangsa) didakwa meminta wang tunai RM15,000 daripada Mohammad Anal Ta-

lhah, 41, sebagai dorongan mendapatkan kerja daripada Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Hartabina UTHM pada Disember 2010.

Bagi pertuduhan kedua, Abdul Aziz didakwa menerima wang tunai yang dimasukkan ke dalam akaun peribadinya itu daripada Mohammad Anal di Bank Muamalat Cawangan UTHM pada 28 Januari 2011.

Bagi kedua-dua pertuduhan, Abdul Aziz dituduh mengikuti Seksyen 16(a)(A) SPRM 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Sabit kesalahan boleh dipenjarा tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Bagi pertuduhan pilihan, Abdul Aziz yang juga Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga B dan Ahli Lembaga Perolehan UTHM menerima wang suapan itu daripada Mohammad Anal pada tarikh sama dengan suatu balasan ia tidak mencukupi dan mungkin ada kaitan dengan urusan akan dijalani

kan kontraktor berkenaan.

Abdul Aziz didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksian (Akta 574), sabit kesalahan boleh dipenjarा sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Terdahulu, Abdul Ghafar menawarkan jaminan RM30,000 berikutan Abdul Aziz menghadapi beberapa pertuduhan.

Bagaimanapun, peguam bela tertuduh, Shahrul Syazwan Salehin dan Abdul Halim Mohamad Husin merayu mahkamah mengurangkan wang ikat jamin memandangkan tertuduh menanggung isteri yang juga seorang pensyarah, dua bekas isteri dan enam anak.

Mohamad Haidar kemudian menetapkan ikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin. Mahkamah turut menetapkan 9 November ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

Menyedari kehadiran wakil media, Abdul Aziz menutup kepalanya dengan jaket bagi mengelakkan wajahnya dirakam ketika dibawa keluar dari kamar mahkamah.